

|            |                                |             |                     |
|------------|--------------------------------|-------------|---------------------|
| Headline   | Tarikan baharu Tasik Shah Alam |             |                     |
| MediaTitle | Utusan Malaysia                | Color       | Full Color          |
| Date       | 31 Oct 2018                    | Circulation | 112,050             |
| Section    | Dlm Negeri                     | Readership  | 336,150             |
| Page No    | 57                             | ArticleSize | 302 cm <sup>2</sup> |
| Language   | Malay                          | AdValue     | RM 6,024            |
| Journalist | ZULKIFLI SAINUDDIN             | PR Value    | RM 18,072           |
| Frequency  | Daily                          |             |                     |



TENGKU AMIR SHAH melihat replika menara tinjau sempena perasmian empat daya tarikan baharu di Taman Tasik Shah Alam, Selangor, baru-baru ini.

**AU DAN TREK BASIKAL KANAK-KANAK**  
• TAMAN TASIK SHAH ALAM



# Tarikan baharu Tasik Shah Alam

Oleh ZULKIFLI SAINUDDIN

utusankota@gmail.com

■ SHAH ALAM 30 OKT.

RAJA Muda Selangor, Tengku Amir Shah Sultan Sharafuddin Idris Shah baru-baru ini berkenan merasmikan empat tarikan baharu di Taman Tasik Shah Alam di sini yang dibina untuk menarik lebih ramai pengunjung.

Tarikan itu ialah jambatan kanopi, menara tinjau, titi gantung dan trek basikal kanak-kanak yang dibina oleh Majlis Bandaraya Shah Alam.

Datuk Bandar Shah Alam, Datuk Ahmad Zaharin Mohd. Saad

berkata, tarikan baharu yang dibina dengan kos RM1.9 juta melibatkan kawasan Tasik Barat.

Katanya, tarikan itu termasuk jambatan sepanjang 147.6 meter yang dibina pada ketinggian tiga meter manakala titi gantung sepanjang 60 meter pada ketinggian sama.

"Menara tinjau pula dibina dengan ketinggian enam meter dan terletak di kawasan berbukit bagi membolehkan pengunjung menikmati pemandangan tasik dari tempat tinggi."

"Turut dibina ialah trek berbasikal kanak-kanak sepanjang 129 meter untuk menyediakan kemudahan riadah yang selamat," katanya dalam majlis per-

asmian di tasik itu.

Ahmad Zaharin dalam pada itu berharap pengunjung dapat bersama-sama menjaga kemudahan awam yang disediakan itu supaya dapat digunakan dengan selamat dan selesa.

"Saya harap penyediaan kemudahan ini dapat digunakan dengan sebaik mungkin di samping mendidik kanak-kanak terhadap pentingnya mengekalkan kehidupan hijau di bandar raya Shah Alam."

"Keindahan persekitaran Taman Tasik Shah Alam perlu dikekalkan dengan kerjasama dan penglibatan orang ramai sekali gus mengurangkan kos pembaikan serta penyelenggaraan," ujarnya.

|            |  |             |                     |
|------------|--|-------------|---------------------|
| Headline   | 'Allow candidates to inspect polling venues' |             |                     |
| MediaTitle | New Straits Times                            |             |                     |
| Date       | 31 Oct 2018                                  | Color       | Full Color          |
| Section    | Local News                                   | Circulation | 36,278              |
| Page No    | 13   | Readership  | 108,834             |
| Language   | English                                      | ArticleSize | 281 cm <sup>2</sup> |
| Journalist | N/A  | AdValue     | RM 9,649            |
| Frequency  | Daily  | PR Value    | RM 28,947           |



## 'Allow candidates to inspect polling venues'

**SHAH ALAM:** PKR candidates at branches where re-votes are being held on Nov 11 should be allowed to inspect the polling centres before or on the day of voting.

Juwairiya Zulkifli, a Kuala Selangor branch chief candidate, said she would be making her demand to the party's central election committee. This, she said, was because she was worried that the branch elections would be sabotaged again.

"I will be sending a letter to the committee chairman Datuk Rashid Din soon. There is a need to put in the demand following Sunday's election, which had to be postponed.

"We did not expect the situation to be so bad. And if the

committee itself cannot guarantee the security and transparency of the elections, we have no choice but to make the demand.

"The committee must be more responsible in ensuring the security of not only the voting system, but also the infrastructure at polling venues.

"We will ask that branch head candidates or their representatives be allowed to inspect the polling venues when the committee is setting them up on the night before or on the morning of polling day," Juwairiya said.

She said though the committee had set Nov 11 for the re-vote, the venue had yet to be determined.

The Kuala Selangor PKR election, which took place at the Kuala Selangor Indoor Stadium

on Sunday, had to be postponed following telecommunication glitches.

Several hours later, a signal jammer was found in the seating area of the stadium by a cleaner.

A report was subsequently lodged at the Kuala Selangor police headquarters about 2pm.

Kuala Selangor police chief Superintendent Md Asri A. Wahab said investigations revealed the device to be a "mobile phone jammer with six antennas".

He said the case was being investigated under Section 427 of the Penal Code for sabotage.

Anyone found guilty under the section is liable to a jail term of not less than a year and not exceeding five years, or fine, or both.



Juwairiya Zulkifli (left) says the PKR central election committee must be more responsible in ensuring security and infrastructure of polling centres. PIC BY FAHQ LAJIM

|            |                                  |             |                     |
|------------|----------------------------------|-------------|---------------------|
| Headline   | Hapus rasa takut ketika beriadah |             |                     |
| MediaTitle | Kosmo                            |             |                     |
| Date       | 31 Oct 2018                      | Color       | Full Color          |
| Section    | Negara                           | Circulation | 155,996             |
| Page No    | 18                               | Readership  | 467,988             |
| Language   | Malay                            | ArticleSize | 331 cm <sup>2</sup> |
| Journalist | Mohd. Yunus Yakkub               | AdValue     | RM 8,623            |
| Frequency  | Daily                            | PR Value    | RM 25,869           |



## Selangor mahu tingkatkan ciri keselamatan untuk wanita hindar rasa tidak selamat **Hapus rasa takut ketika beriadah**

Oleh MOHD. YUNUS YAKKUB

**S**AH ALAM – Satu kajian yang dijalankan oleh Institut Wanita Berdaya (IWB) mendapati 54.9 peratus daripada 725 wanita berasa tidak selamat apabila bersiar-siar di negeri ini.

Pengerusi Jawatankuasa Perumahan dan Kehidupan Bandar Selangor, Haniza Mohamed Talha (**gambar kecil**) berkata, wanita yang mengambil bahagian dalam kajian pada tahun lalu itu berusia 18 tahun ke atas.

Katanya, dalam kajian itu juga, 15 peratus responden menyatakan rasa sangat tidak selamat.

"Hakikat ini perlu diakui dan kita harus menghapuskan per-

asaan takut wanita itu dengan meningkatkan ciri keselamatan bagi mengelakkan kes jenayah seperti rugut dan cabul.

"Ini termasuk dengan pencahayaan yang cukup di jalan raya, penyediaan koc lebih banyak untuk wanita bagi pengangkutan awam dan saiz tandas yang lebih besar," katanya pada sidang akbar selepas sambutan Hari Perancangan Bandar Sedunia peringkat Selangor di Pusat Konvensyen Setia City di sini semalam.

Sehubungan itu, Haniza menggaskan bahawa bandar mesra wanita perlu diwujudkan di negara ini amnya dan Selangor khususnya seperti dilakukan di Korea Selatan dan Filipina.



KAJIAN IWB pada tahun lalu mendapat kebanyakan wanita merasa tidak selamat ketika bersiar-siar di Selangor. – Gambar Hasan

"Walaupun perkara itu dianggap kecil namun ia memberikan kesan besar terhadap keselesaan

wanita secara keseluruhannya. "Justeru, kerajaan negeri Selangor sedang berusaha memas-

### INFO Bandar mesra wanita

- Perlu mengambil kira faktor keselamatan dan keselesaan penghuni bagi menjaga keharmonian kejiranan setempat.
- Dilengkapi dengan bilik penyusuan yang selesa, tandas dan surau yang lebih luas
- Kemudahan lain termasuk pusat komuniti, kompleks sukan dan kolam renang
- Bandar mesra wanita sudah diguna pakai di negara maju seperti Korea dan Turki

tikan kewujudan bandar selamat bagi memberikan lebih kebebasan kepada wanita supaya hak berekreasi mereka tidak terhalang," katanya.

|            |                                  |             |                     |
|------------|----------------------------------|-------------|---------------------|
| Headline   | Sultan prihatin isu banjir kilat |             |                     |
| MediaTitle | Sinar Harian                     |             |                     |
| Date       | 31 Oct 2018                      | Color       | Full Color          |
| Section    | Selangor & KL                    | Circulation | 160,000             |
| Page No    | 17                               | Readership  | 509,000             |
| Language   | Malay                            | ArticleSize | 380 cm <sup>2</sup> |
| Journalist | N/A                              | AdValue     | RM 6,482            |
| Frequency  | Daily                            | PR Value    | RM 19,446           |



# Sultan prihatin isu banjir kilat

**Kerap berlaku di Selangor terutama ketika musim hujan**

SHAH ALAM

Sultan Selangor, Sultan Sharafuddin Idris Shah menzahirkan keprihatinan baginda terhadap isu banjir kilat yang kerap melanda negeri ini terutama ketika musim hujan.

Perkara itu disuarakan kepada Pengarah Jabatan Perancangan Bandar dan Desa Negeri Selangor, Muhammad Ridzuan Arshad semasa baginda melawat 'booth-booth' syarikat pemaju perumahan yang mengambil bahagian dalam sambutan Hari Perancangan Bandar Sedunia Peringkat Negeri Selangor, semalam.

Muhammad Ridzuan berkata, jabatannya mengambil berat akan keprihatinan Sultan Sharafuddin mengenai isu banjir kilat itu dan akan berbincang dengan semua pihak berkaitan bagi mengatasinya.

"Baginda menyuarakan kepada saya mengenai isu banjir kilat ini termasuk kejadian banjir kilat di sekitar Stadium Shah Alam pada petang Sabtu lepas sebelum Final Piala Malaysia antara Terengganu dan Perak.

"Saya akan berbincang dengan pihak berkaitan mengenai langkah-langkah mitigasi yang perlu dilakukan bagi mencegah perkara ini," katanya kepada pemberita selepas majlis perasmian sambutan berkenaan yang disempurnakan oleh Sultan Selangor.

Tengku Permaisuri Selangor Tengku Permaisuri Norashikin turut berangkat



Sultan Sharafuddin (dua, kiri) bersama Tengku Permaisuri Norashikin (empat, kanan) ketika melawat ruang pameran Hari Perancangan Bandar Sedunia Peringkat Negeri Selangor, semalam.

ke majlis itu yang turut dihadiri Menteri Besar Selangor, Amirudin Shari.

Tambah Muhammad Ridzuan, pihaknya juga akan memastikan isu banjir kilat dimasukkan ke dalam aspek yang perlu diberi perhatian

berat oleh pemaju semasa membangunkan bandar-bandar baharu dan kawasan perumahan.

Dalam pada itu, beliau yang juga merupakan Pengerusi Jawatankuasa Kawasan Sensitif Alam Sekitar

Negeri Selangor turut memberitahu pihaknya menerima kira-kira tiga permohonan setiap bulan bagi kebenaran untuk melakukan pembangunan di kawasan lereng-lereng bukit. "Jawatankuasa ini yang

info

Isu termasuk kes banjir kilat di sekitar Stadium Shah Alam

dianggotai oleh pelbagai jabatan antaranya Jabatan Kerja Raya, Jabatan Pengairan dan Saliran serta Jabatan Mineral dan Geosains Selangor bertanggungjawab meneliti semua permohonan bagi semua pembangunan di kawasan lereng yang mempunyai kecerunan melebihi 25 peratus," katanya.

"Kebenaran hanya akan dikeluarkan selepas segala aspek berkaitan dikaji dan didapati sesuai untuk dibangunkan bagi memastikan tiada sebarang perkara tidak diingini berlaku semasa pembinaan atau setelah ia siap," katanya. - Bernama

|            |   |             |                     |
|------------|---|-------------|---------------------|
| Headline   | Sungai Klang jadi sumber ekonomi baharu |             |                     |
| MediaTitle | Sinar Harian                            |             |                     |
| Date       | 31 Oct 2018                             | Color       | Full Color          |
| Section    | Selangor & KL                           | Circulation | 160,000             |
| Page No    | 17                                      | Readership  | 509,000             |
| Language   | Malay                                   | ArticleSize | 243 cm <sup>2</sup> |
| Journalist | N/A                                     | AdValue     | RM 4,145            |
| Frequency  | Daily                                   | PR Value    | RM 12,435           |



## Sungai Klang jadi sumber ekonomi baharu

SHAH ALAM - Kerajaan Selangor bakal menjadikan Sungai Klang sebagai salah satu sumber ekonomi baharu menerusi projek jangka panjang Selangor Maritime Gateway (SMG).

Menteri Besarnya, Amirudin Shari berkata, projek tersebut akan menjadikan konsep penjanaan semula bandar yang melibatkan industri perhotelan, perdagangan, pelancongan, perumahan serta industri perkhidmatan.

"Ia akan meliputi keluasan kawasan kira-kira 55,612 hektar sepanjang pesisir Sungai Klang dan projek ini juga dapat meningkatkan tahap kebersihan kualiti air di dalam lembangan dan rizab sungai sekurang-sekurangnya pada tahap kedua indeks kualiti air.

"Selain itu, projek ini juga secara tidak langsung dapat mengenal pasti punca-punca pencemaran, memantau serta menguatkuasakan peraturan undang-undang pelepasan sisa buangan ke dalam sungai," katanya.

Beliau berkata demikian ketika berucap pada Majlis Sambutan Hari Perancangan Bandar Sedunia Peringkat Selangor 2018, di Pusat Konvensyen Setia City, semalam.

Sementara itu, Amirudin turut menjelaskan kerajaan telah mengenal pasti tiga lokasi di negeri ini iaitu



Amirudin (empat, kiri) bersama Sultan Sharafuddin Idris Shah (dua, kanan), Tengku Permaisuri Selangor, Tengku Permaisuri Norashikin (tiga, kanan) melawat ruang pameran.

Permatang Kuartz di Gombak, Pusat Penyelidikan Perhutanan Malaysia (FRIM) di Kepong dan Kuala Kubu Bharu untuk diwartakan sebagai Tapak Warisan Semula jadi Dunia.

"Kita juga sudah memberi persetujuan bagi ketiga-tiga lokasi berkenaan untuk diwartakan dan diik-

tiraf oleh Pertubuhan Pendidikan, Sains dan Kebudayaan Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (Unesco).

"Ketiga-tiga lokasi berkenaan akan diwartakan sebagai bandar terancang pertama dikenali sebagai 'First Garden City Of Malaya' yang dibangunkan sejak 1925," katanya.

|            |                                     |             |                     |
|------------|-------------------------------------|-------------|---------------------|
| Headline   | 194 dikurnia pingat Negeri Selangor |             |                     |
| MediaTitle | Sinar Harian                        |             |                     |
| Date       | 31 Oct 2018                         | Color       | Black/white         |
| Section    | Selangor & KL                       | Circulation | 160,000             |
| Page No    | 17                                  | Readership  | 509,000             |
| Language   | Malay                               | ArticleSize | 113 cm <sup>2</sup> |
| Journalist | N/A                                 | AdValue     | RM 1,113            |
| Frequency  | Daily                               | PR Value    | RM 3,338            |



## 194 dikurnia pingat Negeri Selangor

**SHAHALAM** - Raja Muda Selangor, Tengku Amir Shah berkenan mengurniakan Pingat Negeri Selangor Darul Ehsan kepada 194 penerima bagi daerah Hulu Selangor, Gombak, Hulu Langat, Kuala Langat, Kuala Selangor, Sabak Bernam dan Sepang.

Pengurniaan pingat berkenaan sempena menyambut Ulang Tahun Hari Keputeraan Sultan Selangor yang ke-72 pada tahun lalu.

Keberangkatan tiba Tengku Amir Shah ke istiadat yang diadakan di Dewan Jubli Perak Sultan Abdul Aziz disini, semalam diiringi Setiausaha Kerajaan Negeri Selangor, Datuk Mohd Amin Ahmad Ahya.

Turut hadir Menteri Besar Selangor Amirudin

Shari dan Exco Kerajaan Negeri.

Pada istiadat itu, Pingat Keberanian Terbilang dikurniakan kepada Mohamed Sabri A. Shamsudeen.

Manakala seramai 24 individu dikurniakan Pingat Pekerti Terpilih, seorang bagi Pingat Kecemerlangan Sukan dan 34 penerima dianugerahkan Pingat Perkhidmatan Cemerlang Selangor.

Seramai 104 individu pula menerima Pingat Jasa Kebaktian kerana telah lama memberi khidmat dan jasa kepada Selangor.

Seramai 30 individu turut menerima Pingat Perkhidmatan Selangor sebagai menghargai jasa mereka yang telah berkhidmat sebagai kakitangan kerajaan lebih 20 tahun.

|            |   |             |                    |
|------------|---|-------------|--------------------|
| Headline   | Temui Shah Alam On Wheel di Bukit Rimau |             |                    |
| MediaTitle | Sinar Harian                            |             |                    |
| Date       | 31 Oct 2018                             | Color       | Black/white        |
| Section    | Selangor & KL                           | Circulation | 160,000            |
| Page No    | 18                                      | Readership  | 509,000            |
| Language   | Malay                                   | ArticleSize | 54 cm <sup>2</sup> |
| Journalist | N/A                                     | AdValue     | RM 532             |
| Frequency  | Daily                                   | PR Value    | RM 1,595           |



## Temui Shah Alam On Wheel di Bukit Rimau


**SHAH ALAM** - Pejabat bergerak 'Shah Alam On Wheel' akan beroperasi di pekarangan tempat letak kereta Pasaraya Aeon Big Bukit Rimau, Seksyen 32 Sabtu ini bermula jam 11.00 pagi hingga jam 5.00 petang.

Orang awam boleh melakukan

semakan dan pembayaran cukai taksiran, kompaun tempat letak kereta, membuat aduan dan pembelian kupon parkir minggu tanpa perlu hadir ke kaunter.

Majlis Bandaraya Shah Alam berharap, kemudahan itu memantapkan lagi sistem perkhidmatan kepada pengguna.

|            |                                |             |                     |
|------------|--------------------------------|-------------|---------------------|
| Headline   | PKNS Dillenia selesa, kondusif |             |                     |
| MediaTitle | Sinar Harian                   | Color       | Full Color          |
| Date       | 31 Oct 2018                    | Circulation | 160,000             |
| Section    | Selangor & KL                  | Readership  | 509,000             |
| Page No    | 19                             | ArticleSize | 765 cm <sup>2</sup> |
| Language   | Malay                          | AdValue     | RM 13,049           |
| Journalist | N/A                            | PR Value    | RM 39,147           |
| Frequency  | Daily                          |             |                     |



Anggota PKNS memberikan penerangan berkaitan projek Dillenia kepada pengunjung.

# PKNS Dillenia selesa, kondusif

**Rebat 12 peratus kepada bakal pembeli**

**BERNAM JAYA**

**P**erbadanan Kemajuan Negeri Selangor (PKNS) menampilkan 'Dillenia' iaitu projek terbaru perbadanan ini, terletak di gerbang utara Selangor, di sini.

Projek berkeluasan 8.58 ekar ini menyediakan 72 unit kediaman dengan dua varian terdiri daripada 28 unit rumah cantuman empat (kluster) berkeluasan 1,848 kaki persegi.

Manakala 44 unit selebihnya rumah berkembar dua tingkat berkeluasan 1,900 kaki persegi masing-masing berharga bermula RM532,500 dan RM552,000.

Pengurus Komunikasi Korporat PKNS, Ishak Hashim berkata, setiap unit projek ini menawarkan keunikan



## TAWARAN

- Rebab 10 peratus menerusi Skim Smart Ownership PKNS (pembelian rumah pertama)
- Rebab 12 peratus bagi pemilikan hartaan kedua

## JARAK

- Berdekatan dengan kemudahan awam & rekreasi
- 7km ke UPSI
- 12km ke Bandaraya Proton
- 15km ke Pekan Tanjung Malim

## KEMUDAHAN LEBUH RAYA

- Lebuhraya Utara Selatan (1km)
- Jalan Persekutuan Kuala Lumpur - Ipoh (5km)

tersendiri dengan penghayatan sentuhan alam menghijau dan persekitaran penuh kedamaian.

Menurutnya, ia direka dengan konsep seni bina moden, ideal serta selesa kepada bakal pemilik kediaman ini.

"Dilengkapi dengan 3 + 1 bilik tidur serta tiga bilik air, ruang dalaman yang luas dan double frontage, semestinya memberikan pengaliran udara semulajadi yang maksimum.

"Pemilik juga dapat menikmati alam menghijau

dengan suasana penuh ketenangan jauh daripada kesibukan kota.

"Projek ini dibina di Bernam Jaya memandangkan ia terletak di laluan strategik dengan jaringan akses jalan raya yang kondusif antaranya Lebuhraya Utara Selatan (1 km), Jalan Persekutuan Kuala Lumpur - Ipoh (5 km) dan Stesen KTM Tanjung Malim (7 km) pasti memudahkan pemilik kediaman ini menuju ke destinasi yang diinginkan," katanya.

Ujar Ishak, projek ini turut berdekatan dengan kemudahan awam dan rekreasi antaranya hanya 7 km ke Universiti Pendidikan Sultan Idris (UPSI), 12 km ke Bandaraya Proton dan 15 km ke Pekan Tanjung Malim.

"Menariknya, PKNS menawarkan rebab 10 peratus menerusi Skim Smart Ownership PKNS iaitu bagi pembelian rumah pertama manakala 12 peratus rebab bagi pemilikan hartaan kedua," katanya.

Terdahulu, majlis pelancaran projek berkenaan diadakan Sabtu lalu di Galeri Jualan Hartanah Bernam Jaya.

Untuk pertanyaan lanjut berkenaan projek boleh melayari [www.pkns-property.com](http://www.pkns-property.com) atau

hubungi wakil jualan di talian 016-251 0113 / 011 1429 3079 / 013 939 0310 / 013 342 1098 / 017 380 9037 / 019 303 4342 / 013 323 2158.



Ruang yang selesa dan rekabentuk menarik menjadi tarikan.

## REAKSI



Rumah ini pada makcik okey, cuma dicadangkan dapur tak sesuai berada di sebelah ruang tamu. Tapi keseluruhannya cantik."

- Zailha Kamaruddin, 66



Keseluruhannya rumah ini cantik, cukup luas dan kalau kena dengan hiasannya pasti menarik dan selesa.

Tapi, saya cadangkan ruang tamu kalau lebih besar lebih selesa dan puas hati."

- Norlailah Samion, 57



Saya pernah beli rumah PKNS di Antara Gapi dan saya sangat puas hati. Kalau ada masalah pun, tak banyak dan saya memang sangat suka. Hari ini saya datang dari Puchong untuk lihat secara dekat rumah ini. Lagi pun dekat dengan lebuhraya, kawasan ini pasti akan membangun nanti."

- M Sri, 38

|            |                             |             |                     |
|------------|-----------------------------|-------------|---------------------|
| Headline   | Kecewa sampah di bahu jalan |             |                     |
| MediaTitle | Sinar Harian                |             |                     |
| Date       | 31 Oct 2018                 | Color       | Full Color          |
| Section    | Selangor & KL               | Circulation | 160,000             |
| Page No    | 23                          | Readership  | 509,000             |
| Language   | Malay                       | ArticleSize | 137 cm <sup>2</sup> |
| Journalist | N/A                         | AdValue     | RM 2,337            |
| Frequency  | Daily                       | PR Value    | RM 7,011            |



Dahan pokok dan sampah sarap yang dibuang di bahu jalan.

## Kecewa sampah di bahu jalan

**PELABUHAN KLANG** – Penduduk di Taman Kota Pendamar, di sini kecewa dengan sikap pihak tertentu yang menjadikan bahu jalan di kawasan perumahan mereka sebagai tempat pembuangan sampah.

Penduduk, Mohd Fazli Kamrudin, 37, berkata, keadaan di laluan itu sudah berlarutan sejak sekian lama.

“Sebelum ini pihak Majlis Perbandaran Klang (MPK) ada letak tali kuning bagi menghalang orang ramai membuang sampah di kawasan itu tapi tidak berhasil.

“Sebaliknya mereka semakin

galak buang sampah di sini. Cuba bayangkan kalau orang lain pula buang sampah di kawasan mereka, tentu mereka juga akan rasa geram,” katanya.

Menurutnya, bahan buangan seperti dahan pokok, pakaian dan perabot lama bertaburan menyajikan pandangan yang amat buruk dan menyakitkan pandangan.

“Saya berharap agar perbuatan tidak bertanggungjawab tersebut diberhentikan dan berharap pihak berkuasa turut bertindak terhadap mereka yang mementingkan diri tanpa mengendahkan keselesaan orang ramai,” katanya.

|            |                                    |             |                     |
|------------|------------------------------------|-------------|---------------------|
| Headline   | Perkukuh ilmu, kongsi buah fikiran |             |                     |
| MediaTitle | Sinar Harian                       |             |                     |
| Date       | 31 Oct 2018                        | Color       | Full Color          |
| Section    | Selangor & KL                      | Circulation | 160,000             |
| Page No    | 24                                 | Readership  | 509,000             |
| Language   | Malay                              | ArticleSize | 234 cm <sup>2</sup> |
| Journalist | N/A                                | AdValue     | RM 3,992            |
| Frequency  | Daily                              | PR Value    | RM 11,975           |



## Perkukuh ilmu, kongsi buah fikiran

**SUNGAI LANG** - Kira-kira 200 penceramah, fasilitator dan tenaga pengajar yang pernah menyumbang bakti di Institut Latihan Dan Dakwah Islam (Ildas) hadir pada Majlis Apresiasi Ilmuwan Islam.

Program diadakan di Auditorium Saidina Abu Bakar, Ildas itu, julung kali diadakan bagi menghargai khidmat mereka yang terlibat dalam menjayakan program dan kursus-kursus yang dilaksanakan di institut itu.

Menurut kenyataan Ildas, program diadakan berfungsi sebagai medium pemantapan ilmu dan perkongsian buah fikiran antara tenaga pelaksana serta penyampaian pelaksanaan latihan.

"Ini merangkumi strategi pemantapan latihan dalam membangun modal insan yang seimbang dari segi jasmani, emosi, minda dan rohani," katanya.

Selain itu, pengisian program antaranya seperti ceramah bertajuk 'Kepentingan Latihan dalam Pembangunan Insan' disampaikan oleh Dr Mohd Anuar Arshad dari Universiti Sains Malaysia (USM).

Selain itu, peserta turut berpeluang menambah ilmu pengetahuan menerusi Sesi Forum dikendalikan Hafizzudin Kadir dari Bahagian Undang-Undang Keluarga (BUUK) Jabatan Agama Islam Selangor (Jais).

Forum itu membariskan

dua panel iaitu Sabariah Saleh, dari Darul Quran Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (Jakim) dan Muhamad Rashidi Wahab, dari Universiti Sultan Zainal Abidin (Unisza) yang membincangkan isu Fitnah Akidah dan Akhlak yang dihadapi Generasi Z pada masa kini.

Kenyataan itu memberitahu, majlis yang dirasmikan Pengarah Jais, Datuk Haris Kassim itu turut melancarkan sistem e-penceramah, video korporat Ildas dan penyampaian sijil penghargaan.

*Sila layari*  
**sinarharian.com.my**



Sebahagian mereka yang menghadiri Majlis Apresiasi Ilmuwan Islam di Ildas.

|            |                      |             |                     |
|------------|----------------------|-------------|---------------------|
| Headline   | Komersial produk OKU |             |                     |
| MediaTitle | Sinar Harian         |             |                     |
| Date       | 31 Oct 2018          | Color       | Black/white         |
| Section    | Selangor & KL        | Circulation | 160,000             |
| Page No    | 33                   | Readership  | 509,000             |
| Language   | Malay                | ArticleSize | 101 cm <sup>2</sup> |
| Journalist | N/A                  | AdValue     | RM 994              |
| Frequency  | Daily                | PR Value    | RM 2,983            |



## Komersial produk OKU

KAJANG - Pelbagai produk hasil OKU dilihat mampu menembusi pasaran antarabangsa.

Ahli Majlis, Majlis Perbandaran Kajang, Muhammad Hanafi Jalalludin berkata, pelbagai bentuk bantuan serta peruntukan disediakan oleh kerajaan dapat memajukan lagi taraf hidup golongan itu.

"Saya juga akan bersama bantu merealisasikan harapan golongan dan impian golongan ini untuk pasarkan produk mereka," katanya.

Muhammad Hanafi berkata, bengkel seperti 'Asean Hometown Improvement Project' ini juga dapat memfasilitasi OKU di negara ini, di samping memberi tunjuk ajar lebih mendalam berhubung pengurusan penjena-

maan dan pemasaran produk dihasilkan agar lebih berkualiti.

"Seramai 30 peserta dari Pusat Pemulihan Dalam Komuniti (PDK) Semenyih terpilih menyertai bengkel dua hari tersebut. Bengkel ini dianjurkan oleh 'Asia-Pacific Development Center On Disability' serta disokong oleh Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat dengan kerjasama urusetia Asean dan Japan-Asean Integration Fund," katanya.

Beliau berkata, tujuan projek dilaksanakan adalah untuk menggalakkan pembangunan produk 'kampung halaman' berlandaskan Pembangunan Inklusif di Komuniti serta mengamalkan prinsip Persekutuan Tiada Kecacatan.

|            |                                   |             |                     |
|------------|-----------------------------------|-------------|---------------------|
| Headline   | Masalah berlarutan lebih 10 tahun |             |                     |
| MediaTitle | Sinar Harian                      |             |                     |
| Date       | 31 Oct 2018                       | Color       | Full Color          |
| Section    | Selangor & KL                     | Circulation | 160,000             |
| Page No    | 33                                | Readership  | 509,000             |
| Language   | Malay                             | ArticleSize | 233 cm <sup>2</sup> |
| Journalist | AHMAD ISMADI ISMAIL               | AdValue     | RM 3,974            |
| Frequency  | Daily                             | PR Value    | RM 11,923           |



# Masalah berlarutan lebih 10 tahun

**Jalan Hulu  
Langat berlubang  
bahayakan  
penduduk**

AHMAD ISMADI ISMAIL

HULU LANGAT

Penduduk di kawasan Dusun Banding berdepan risiko kematangan kerana Jalan Hulu Langat, di sini rosak dan berlubang.

Aktivis masyarakat, Abdul Jalil Mohd Nazir berkata, beliau difahamkan masalah itu sudah berlarutan lebih 10



Keadaan jalan yang berlubang dan membahayakan nyawa pengguna jalan raya.

tahun lalu.

"Keadaan jalan rosak ini mungkin berpunca daripada jumlah kenderaan berat yang banyak melalui jalan ini.

"Saya difahamkan terdapat banyak kes kemalangan maut turut berlaku di

jalan ini," katanya.

Abdul Jalil berkata, beliau mendapati Jabatan Kerja Raya ada menurap jalan itu, namun tidak tahan lama dan masalah tersebut berulang.

"Selain bahayakan nyawa pengguna, keadaan jalan

yang berdebu juga boleh menyebabkan pencemaran udara," katanya.

Sementara itu, penduduk, Hamdan Hashim, 40, berkata, ia laluan utama penduduk di kawasan itu untuk berulang alik ke tempat kerja atau urusan harian.

"Jalan ini turut menjadi laluan utama pelajar-pelajar untuk berulang alik ke sekolah," katanya.

Hamdan berkata, keadaan jalan rosak di kawasan tersebut boleh menjelaskan imej eco pelancongan di sini.

"Saya berharap pihak berkaitan meningkatkan lagi pemantauan terhadap keadaan jalan-jalan di sini, demi keselesaan penduduk," katanya.

|            |                                |             |                     |
|------------|--------------------------------|-------------|---------------------|
| Headline   | Khidmat sosial tidak kira kaum |             |                     |
| MediaTitle | Sinar Harian                   |             |                     |
| Date       | 31 Oct 2018                    | Color       | Full Color          |
| Section    | Selangor & KL                  | Circulation | 160,000             |
| Page No    | 34                             | Readership  | 509,000             |
| Language   | Malay                          | ArticleSize | 249 cm <sup>2</sup> |
| Journalist | N/A                            | AdValue     | RM 4,247            |
| Frequency  | Daily                          | PR Value    | RM 12,742           |



June Leow (kanan) menyampaikan sumbangan sempena majlis sambutan hari jadi dan Deepavali anjuran Kelab Bell Belia Tamil Hulu Selangor.

## ***Khidmat sosial tidak kira kaum***

**HULU SELANGOR** - Kelab Bell Belia Tamil Hulu Selangor komited meneruskan program tahunan berbentuk kebajikan bagi meringankan golongan kurang berkemampuan.

Pengerusinya, A Oghanesh berkata, kelab yang ditubuhkan sejak dua tahun lalu itu mengambil inisiatif sedemikian sebagai satu khidmat sosial masyarakat tanpa mengira kaum.

Menurutnya, kelab menjalinkan kerjasama baik dengan agensi kerajaan dan badan korporat bagi memastikan program dilaksana memberi manfaat kepada golongan sasaran.

"Antara program tahunan seperti jom shopping, ziarah orang sakit, berbuka puasa, meraikan anak yatim dan aktiviti sukarelawan lain.

"Aspek pendidikan dan ekonomi belia menjadi keutamaan supaya mereka dapat mengubah diri serta keluarga dengan kehidupan yang lebih baik.

"Walaupun NGO kaum India tetapi kita membantu tanpa mengira kaum malah hari raya Aidilfitri pun kita sambut dengan beri bantuan tertentu kepada mereka yang memerlukan," katanya pada majlis meraikan hari jadi dan sumbangan Deepavali, semalam.

Hadir sama, Ahli Parlimen

Hulu Selangor, June Leow Hsiad Hui.

June Leow berkata, NGO disarankan supaya mempertingkatkan jaringan usaha sama antara mereka dalam menganjurkan program membabitkan semua kaum bagi mengukuhkan semangat perpaduan.

Menurutnya, maklumat dan dasar kerajaan juga dapat disalurkan melalui NGO yang memainkan peranan menyampaikan kepada rakyat.

"Kerajaan Pakatan Harapan memberi perhatian kepada semua kaum terutama golongan memerlukan," katanya.

|            |  |             |                     |
|------------|--|-------------|---------------------|
| Headline   | Tukar paip lama atasi gangguan bekalan |             |                     |
| MediaTitle | Sinar Harian                           |             |                     |
| Date       | 31 Oct 2018                            | Color       | Full Color          |
| Section    | Selangor & KL                          | Circulation | 160,000             |
| Page No    | 34                                     | Readership  | 509,000             |
| Language   | Malay                                  | ArticleSize | 185 cm <sup>2</sup> |
| Journalist | N/A                                    | AdValue     | RM 3,156            |
| Frequency  | Daily                                  | PR Value    | RM 9,467            |



## *Tukar paip lama atasi gangguan bekalan*



Kee Hiong (duduk, dua kanan) bersama pengurusan Air Selangor Wilayah Hulu Selangor pada sesi perbincangan di pejabatnya.

**KUALA KUBU BHARU** - Kerja menggantikan paip lama di Jalan Syed Mashor, dekat sini giat dilaksanakan dan dijangka siap sepenuhnya pada Disember depan.

Adun Kuala Kubu Bharu, Lee Kee Hiong berkata, penggantian paip itu akan memberi manfaatkan kepada Hospital Kuala Kubu Bharu bagi mengelak gangguan bekalan.

Menurutnya, pihak Pengurusan Air Selangor turut melaksanakan penggantian paip lama di kawasab Rumah Murah Rasa.

"Di Kampung Asam Kumbang pula, kerja-kerja berkaitan sudah pun siap meramandangkan paip lama dulu tidak dapat menampung tekanan air lebih tinggi.

"Bagi memastikan perkhidmatan berkualiti untuk jangka panjang, Air Selangor juga menaik taraf dan mengaktifkan tiga rumah pam di Dun ini." - Kee Hiong

**Bagi memastikan perkhidmatan berkualiti untuk jangka panjang, Air Selangor juga menaik taraf dan mengaktifkan tiga rumah pam di Dun ini.**

aktifkan tiga rumah pam di Dun ini. "Penggunaan air meningkat terutama pada musim perayaan dan maka kawasan berkenaan memerlukan paip baharu agar rumah di tempat tinggi tidak mengalami gangguan bekalan air," katanya.

|            |                             |             |                     |
|------------|-----------------------------|-------------|---------------------|
| Headline   | Premis cemar sungai ditutup |             |                     |
| MediaTitle | Sinar Harian                |             |                     |
| Date       | 31 Oct 2018                 | Color       | Full Color          |
| Section    | Selangor & KL               | Circulation | 160,000             |
| Page No    | 34                          | Readership  | 509,000             |
| Language   | Malay                       | ArticleSize | 310 cm <sup>2</sup> |
| Journalist | MOHD RIDZUAN ABU HASSAN     | AdValue     | RM 5,288            |
| Frequency  | Daily                       | PR Value    | RM 15,864           |



# Premis cemar sungai ditutup

**MDHS keluarkan notis, beri tempoh 14 hari kepada pemilik**

MOHD RIDZUAN ABU HASSAN

BUKIT BERUNTUNG

**S**ebuah premis kitar semula plastik di Jalan Jenjarum, dekat sini diarah menghentikan operasi dalam tempoh 14 hari bermula dari 29 Oktober lalu.

Pegawai Komunikasi Korporat Majlis Daerah Hulu Selangor (MDHS), Junainah Abdullah berkata, premis berkenaan dikesan mengeluarkan effluent ke longkang awam dan menyebabkan pencemaran sungai.

Menurutnya, operasi penutupan dilakukan Jabatan Pengurusan Sisa

Pepejal dan Pembersihan Awam dan Jabatan Penguatkuasaan MDHS.


"Notis penutupan dibuat di bawah peruntukan Undang Undang Kecil 43(1)(a)(b) Pelesehan Tred, Perniagaan dan Perindustrian (MDHS) 2007.

Premis tersebut diarahkan supaya menghentikan operasinya dalam tempoh 14 hari bermula dari tarikh notis dikeluarkan.

Berdasarkan rekod terdahulu, premis ini pernah dikenakan tindakan sama pada 2016, katanya.

Junainah berkata, tindakan terbaik dilaksanakan bertujuan mengelak pencemaran sungai di Hulu Selangor yang merupakan kawasan tadaan air kepada negeri ini.

Menurutnya, MDHS akan memastikan semua kilang beroperasi dalam keadaan selamat dan tidak berpotensi menyebabkan pencemaran alam sekitar.



Notis penutupan premis dalam tempoh 14 hari yang dikeluarkan oleh MDHS.

info

Effluent dialirkan ke longkang awam jadi punca pencemaran



Premis yang dikesan mengakibatkan pencemaran sungai diarah hentikan operasi.

|            |              |             |                     |
|------------|--------------|-------------|---------------------|
| Headline   | MAKLUM BALAS |             |                     |
| MediaTitle | Sinar Harian |             |                     |
| Date       | 31 Oct 2018  | Color       | Full Color          |
| Section    | Nasional     | Circulation | 160,000             |
| Page No    | 51           | Readership  | 509,000             |
| Language   | Malay        | ArticleSize | 122 cm <sup>2</sup> |
| Journalist | N/A          | AdValue     | RM 2,081            |
| Frequency  | Daily        | PR Value    | RM 6,243            |



**MAKLUM BALAS** 

**SEBELUM** Sinar Harian @ ADUAN

■ Terima kasih kepada pihak Majlis Bandaraya Shah Alam (MBSA) kerana telah menggantikan 'traffic elastic poles' yang cacat dengan aset baru, beberapa hari yang lalu. Isu ini telah disiarkan di @ADUAN ini pada 12 Oktober lalu.

- **Kamaruddin Hassan, Seksyen 8, Shah Alam, Selangor**

**SELEPAS**

■ Mohon Majlis Bandaraya Shah Alam (MBSA) menggantikan "traffic elastic poles" yang telah cacat, rosak, serta menyokong pandangan. Aset yang dimaksudkan terletak di Pusatkan Kayangan, persimpangan-T dengan lampu isyarat SA2, Seksyen 11, Shah Alam, seperti dalam gambar yang diambil sendiri oleh penulis. Adalah diharapkan aset yang hodeh ini dapat digantikan dengan seramai. - **Hj Kamaruddin Hassan, Seksyen 8, Shah Alam**

Jumaat, 12.10.2018

